0160
U 8281 AAB
MAHATHIR-KERACUNAN (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN KEPADA ANGKA DI PARA SATU)
I
IPOH, 24 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA TERMASUK MENGELUARKAN PERBELANJAAN UNTUK MENGATASI MASALAH KERACUNAN YANG DIPERCAYAI TELAH MERAGUT JIWA 11 KANAK-KANAK DI PERAK SETAKAT INI.

+SEKIRANYA PARA DOKTOR DI SINI MERASA KITA MEMERLUKAN PAKAR-PAKAR ASING UNTUK MENCARI SUMBER KERACUNAN ITU, KITA AKAN MENERBANGKAN MEREKA KE MARI,+ KATANYA.

+KERAJAAN AKAN MENGHULURKAN SEGALA BANTUAN BAGI MENYEGERAKAN USAHA MENGENAL PASTI SUMBER KERACUNAN ITU DAN MERAWAT MANGSA-MANGSA KEJADIAN,+ BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT ENAM ORANG KANAK-KANAK YANG KINI DIRAWAT DI YUNIT RAWATAN RAPI HOSPITAL BESAR DI SINI. KANAK-KANAK TERSEBUT DISYAKI MANGSA KERACUNAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIIRINGI OLEH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI KESIHATAN DATUK CHAN SIANG SUN DAN TIMBALANNYA DATUK K. PATHMANABAN, DAN MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB DAN ISTERINYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MEMANDANG BERAT MASALAH KERACUNAN ITU KERANA KANAK-KANAK ITU TELAH MENINGGAL DUNIA AKIBATNYA. -- LAGI
2246MST 24 10 88

0132
U 8273 AAB
MAHATHIR-KERACUNAN 2 IPOH

BELIAU BERKATA KERAJAAN MAHU MENGETAHUI SEBAB-MUSABAB KEMATIAN MEREKA DAN SUMBER KERACUNAN BERKENAAN.

PIHAK BERKUASA KESIHATAN BERTUNGKUS-LUMUS TETAPI MASIH BELUM BERJAYA MENGENAL PASTI SUMBER KERACUNAN ITU, KATANYA.

+MEREKA KINI MENYIASAT BEBERAPA SUMBER YANG DISYAKI TERMASUK KERACUNAN MAKANAN.+

BILA DITANYA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MEMBERI SEBARANG BANTUAN KEPADA MANGSA-MANGSA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENANGGUNG SEGALA PERBELANJAAN RAWATAN MEREKA YANG +BERJUMLAH BERPULUH RIBU RINGGIT TIDAK TERMASUK GAJI PARA DOKTOR.+

+SEKIRANYA MANGSA-MANGSA INI BERADA DI BEBERAPA NEGARA LAIN, MEREKA TIDAK AKAN MAMPU MENDAPATKAN RAWATAN. TETAPI DI SINI, KITA MERAWAT MEREKA TANPA MENGHIRAUKAN SAMA ADA MEREKA MAMPU BAYAR ATAU TIDAK,+ KATANYA.

+KITA TIDAK MENYURUH ORANG MEMBAYAR PERBELANJAAN PERUBATAN SEKIRANYA MEREKA TIDAK MAMPU. SEKARANG INI, KITA MENGAMALKAN SKIM KESIHATAN TANPA SUMBANGAN AWAM DI NEGARA INI.+ -- LAGI
1751MST 24 10 88

0140
U 8274 AAB
MAHATHIR-KERACUNAN 3 IPOH

DITANYA SAMA ADA KES-KES ITU TELAH MENONJOLKAN PERLUNYA PEMERIKSAAN LEBIH KETAT BAGI MEMASTIKAN PARA PENGELUAR MAKANAN MENYEDIAKAN MAKANAN DALAM SUASANA YANG LEBIH BERSIH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMERIKSAAN SEUMPAMA ITU MERUPAKAN PROSES YANG SENTIASA BERJALAN TETAPI +ADALAH MUSTAHIL UNTUK MEMERIKSA MEREKA SETIAP WAKTU.+

PARA PENGELUAR MAKANAN DAN ORANGRAMAI SENDIRI PERLU MENYEDARI BETAPA PENTINGNYA UNTUK MENYEDIAKAN MAKANAN DALAM KEADAAN SERBA BERSIH, KHUSUSNYA PENGELUARAN JUMLAH BESAR.

MENJAWAB SATU SOALAN LAIN, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAHPUN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH PUSAT RACUN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM) WALAUPUN PADA MASA INI IA BOLEH MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PUSAT-PUSAT SAMA DI SINGAPURA DAN TEMPAT-TEMPAT LAIN.

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENGISYTIHARKAN KEADAAN WABAK PENYAKIT DI PERAK, PERDANA MENTERI BERKATA +ORANGRAMAI TELAHPUN BERWASPADA MENGENAI JENIS MAKANAN YANG DIMAKAN.+ -- BERNAMA
2007MST 24 10 88